

**TEKS UCAPAN Y.B. DATO' YONG KHOON SENG  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**5 NOVEMBER 2009 (KHAMIS)  
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA DATUK THOMAS GEORGE  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

YANG BERBAHAGIA PUAN SRI ZAITON BINTI MHAD ALI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI NASIR BIN MAT DAM  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI PROF. IR. DR. JUDIN BIN ABDUL  
KARIM  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

YANG BERBAHAGIA DATUK IR. HAMZAH BIN HASSAN  
KETUA EKSEKUTIF  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
(CIDB)

YANG BERBAHAGIA DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH  
PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

YANG BERBAHAGIA IR AHMAD ASRI BIN ABDUL HAMID  
PRESIDEN PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT  
CORPORATION (PSDC),

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan warga Kerja Raya sekalian.

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

1. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam YB. menteri Kerja Raya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak urusetia kerana menjemput saya ke Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan November 2009 ini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

2. Kita mesti sedar bahawa kita semua bekerja di dalam satu institusi yang besar. institusi yang membawa tanggungjawab dan amanah negara di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Di sinilah perlunya kita meletakkan keutamaan tugas kita kepada skala yang lebih besar, melebihi kepentingan individu atau entiti yang kita wakili. Kita perlu mengikis semangat individualistik dan berpuak-puak, agar kita dapat membentuk satu pasukan kerja yang mantap.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

3. Pengalaman dalam menjalankan tugas adalah sesuatu yang sangat bernilai dan tidak dapat diperolehi di dalam masa yang singkat. segala keputusan dan hasil kerja yang telah dibuat selama ini, sama ada baik atau buruk, menjadi panduan yang sangat

berharga di dalam membantu tugas kita pada hari ini dan masa akan datang. Selain pengalaman, usaha untuk menambah ilmu pengetahuan secara berterusan adalah sesuatu yang perlu dijadikan amalan. Kita sudah dikenali umum sebagai peneraju di dalam bidang teknikal pembinaan tetapi status peneraju itu mungkin berubah jika kita sudah merasa selesa dengan ilmu dan pengalaman yang sedia ada, tanpa sebarang inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi menyaingi arus liberalisasi dan globalisasi yang sangat mencabar ini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Pada 23 Oktober yang lalu, YAB. Perdana Menteri telah membentangkan bajet tahun 2010 dengan penurunan ke atas Belanja Mengurus sebanyak 11.2% atau sebanyak 191.5 billion berbanding 215.7 billion pada tahun 2009. Walaubagaimanapun, KKR telah menerima peruntukan Belanja Mengurus sebanyak 1.49 billion iaitu angka peningkatan sebanyak 5.32%. Penambahan tersebut berkaitan dengan Bayaran Pampasan Tol di bawah One-Off dan tambahan peruntukan Emolumen. Begitu juga dengan Perbelanjaan Pembangunan yang mana pengurangan di catat sebanyak 35.9% atau 2.029 billion berbanding tahun 2009. Walaubagaimanapun, atas keprihatinan negara kepada rakyat di Sarawak peruntukan bagi Program jalan raya dan jambatan di Sarawak telah dinaikan sebanyak 17.9% berbanding tahun 2009.

5. Selari dengan amanah dan mandat besar yang harus dipikul oleh KKR, langkah penjaminan ini bukanlah satu penghalang serta menjejaskan prestasi penjawat awam. Peruntukan yang banyak bukanlah satu jaminan kepada kerja mahupun perkhidmatan berkualiti. Jika kita semua berani melakukan perubahan, melaksanakan projek-projek dengan mengutamakan *value for money*, saya yakin kita semua dapat melaksanakan amanah rakyat yang besar ini dengan jayanya. Daya kompetensi holistik penjawat awam amat ditagih supaya negara berada di landasan tepat dalam persaingan global kini.

6. Baru-baru ini juga, YAB. Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan bercadang untuk melaksanakan pendekatan ” *truly reward good performance*” kepada penjawat awam yang berprestasi cemerlang. Dalam pendekatan baru ini, hanya penjawat awam yang benar-benar layak dan kompeten serta berjaya melaksanakan KPI mereka akan diberi ganjaran oleh kerajaan. Usaha ini dilihat sebagai pemangkin kepada semua pemjawat awam untuk mengekalkan prestasi tinggi dalam perkhidmatan awam seterusnya memacu daya saing negara di peringkat yang kian mencabar kini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Kita dikejutkan dengan beberapa Laporan Ketua Audit Negara berhubung penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam mengurus hasil atau aset negara. Walaupun, kementerian kita tidak menerima teguran yang sirius, tetapi saya menyeru kepada semua

warga KKR agar sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan dalam melaksanakan tugas kita seharian. Sikap integriti dan akauntibiliti adalah batu asas kepada kekuatan kepada organisasi yang besar seperti kementerian ini. Ingatlah jika kita ikhlas dan jujur menjalankan tugas, tuhan akan sentiasa melindungi kita.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

8. Suka juga saya mengingatkan, bahawa sebagai seorang ketua atau pemimpin, baik organisasi yang besar atau kecil, kita perlu peka pada setiap yang berlaku di bawah seliaan kita. Maklumat yang diperoleh perlulah terperinci dan bukannya ala kadar sahaja. perkara ini juga penting apabila kita berurusan dengan rakyat atau *stakeholder*, di mana mereka memerlukan maklumat dan jawapan yang jelas kepada persoalan yang bermain di minda mereka. kebolehan kita mencerna maklumat dan seterusnya menyalurkan sama ada kepada pengurusan tertinggi atau kepada orang awam, mencerminkan kredibiliti kita sebagai seorang penjawat awam yang peka, efisien dan bermaklumat.

9. Kerajaan amat serius di dalam memastikan semua projek yang dijalankan kontraktor sentiasa menepati piawaian dan siap dibina dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang kelewatan projek akan merugikan banyak pihak daripada pelbagai aspek, dan seterusnya memberi impak yang tidak baik kepada rakyat jelata. Sebaliknya, perlaksanaan projek yang mengikut jadual, akan dapat dinikmati hasilnya oleh rakyat tepat pada waktunya, dan seterusnya memenuhi

aspirasi satu malaysia iaitu **rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan**. Justeru itu, pegawai-pegawai termasuk di kalangan pengarah perlulah turun padang bagi memastikan kelancaran perjalanan setiap projek. Sekarang bukan lagi masanya untuk kita sekadar memantau projek dari pejabat yang berhawa dingin, kerana cara ini tidak lagi sesuai dengan tuntutan semasa.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

10. Langkah kerajaan memberi bayaran khas sebanyak rm500 kepada kakitangan awam kumpulan gred 41 hingga 54 serta pesara wajib, membuktikan kerajaan sentiasa prihatin kepada penggerak sektor awam. Walaupun dalam suasana ekonomi yang belum pulih sepenuhnya dan peruntukan yang terhad, kerajaan tetap menyediakan peruntukan tambahan bagi pemberian bayaran khas itu kepada kakitangan awam dalam kumpulan berkenaan. Dengan pengumuman pemberian bayaran khas itu, kerajaan membelanjakan peruntukan tambahan kira-kira RM400 juta yang membabitkan kira-kira 250,000 kakitangan awam gred 41 hingga 54. Maka, menjadi satu kewajipan besar kepada tuan-tuan untuk membuat satu lonjakan di dalam prestasi kerja seharian. pastikan mutu kerja kita meningkat selari dengan imbuhan yang telah dihadaikan.

11. Akhir kata, saya berharap seluruh warga kementerian akan terus berusaha di dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat. Bekerjalah sebagai satu pasukan, dan sentiasa lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.

sekian, terima kasih.